

# HSBC's Universal AssuredTreasure

Sebuah Pelan Insurans Hayat

## Membina Asas; daripada Simpanan kepada Persaraan



**HSBC**

| Opening up a world of opportunity

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# Mulakan Perjalanan ke Arah Kemakmuran Kewangan

Persaraan bukan sekadar destinasi; ia merupakan perjalanan yang penuh dengan kemungkinan dan impian. Tahukah anda bahawa tempoh persaraan boleh menjangkau beberapa dekad, dengan kebanyakan pesara menikmati kehidupan 20 hingga 30 tahun atau lebih lama selepas persaraan? Dengan solusi insurans kami – **HSBC's Universal AssuredTreasure**, anda dapat mengemudi pengembaraan ini dengan yakin apabila mengetahui masa depan kewangan anda terjamin.

---

## Pelan Asas untuk Kebahagiaan Persaraan

HSBC's Universal AssuredTreasure adalah sebuah pelan insurans hayat universal dengan tempoh pembayaran premium terhad yang akan membantu menjamin masa depan anda melalui **perlindungan hayat** dan **Bayaran Tunai Terjamin (GCP)**. Perlindungan ini bukan sekadar jaringan keselamatan; bayangkan anda menerima bayaran tunai secara berkala, sebagai aliran pendapatan yang stabil untuk menyokong gaya hidup ideal anda. Sama ada untuk melancong, hobi atau meluangkan masa bersama orang tersayang, produk ini memberikan anda kebebasan kewangan untuk menjalani kehidupan yang anda inginkan.

Ketahui bagaimana solusi insurans kami boleh membantu anda menikmati persaraan anda dengan keyakinan dan ketenangan jiwa.

# Manfaat Utama HSBC's Universal AssuredTreasure



## Pemohonan Mudah

**Tawaran Terbitan Terjamin (GIO)** tanpa memerlukan pemeriksaan perubatan atau akaun kesihatan, memberi anda jaminan pendaftaran yang lancar bagi produk ini, dengan Premium Asas Tahunan (ANP) maksimum sehingga RM400,000 setiap orang yang diinsuranskan<sup>1</sup>.



## Perlindungan Kematian untuk menghadapi Ketidakpastian dalam Kehidupan

Hanya dengan pembayaran premium selama 5 tahun, anda mendapat ketenangan fikiran dengan perlindungan kewangan jika berlaku kematian sepanjang perlindungan polisi selama 20 tahun. Sambil menyaksikan wang anda bertambah, anda juga diberikan **perlindungan tambahan apabila berlaku kematian akibat kemalangan**. Ini memberikan anda jaringan keselamatan yang boleh diharapkan untuk anda dan orang tersayang.



## Tiga Peringkat Bayaran Tunai Terjamin (GCP) Tahunan yang Meningkatkan

Menerima **GCP tahunan** yang tetap berdasarkan peratusan ANP terkini anda mulai **akhir Tahun Polisi 1 hingga Tahun Polisi 20**. Nikmati GCP sebanyak 8% daripada ANP terkini anda mulai Tahun Polisi 1 hingga Tahun Polisi 5; ia akan meningkat dua kali ganda kepada 16% daripada ANP terkini mulai Tahun Polisi 6 hingga Tahun Polisi 10 dan empat kali ganda kepada 32% daripada ANP terkini mulai Tahun Polisi 11 hingga Tahun Polisi 20.



## Manfaat Terjamin dan Potensi Peningkatan Pelaburan, Menjamin Masa Depan Anda

Selain dapat menikmati GCP tahunan sepanjang 20 tahun tempoh polisi, anda juga akan dijamin dengan manfaat kematangan terjamin minimum sebanyak **150%<sup>2</sup> daripada ANP terkini**. Tingkatkan lagi dana persaraan anda dengan potensi peningkatan pulangan<sup>3</sup> daripada pelaburan yang tidak terjamin.



## Pengagihan Kekayaan yang Mudah

Salurkan sebahagian daripada kekayaan anda kepada benefisiari yang dinamakan oleh anda tanpa perlu melalui proses pengagihan harta. Anda akan mendapat jaminan bahawa keperluan kewangan benefisiari anda akan dipenuhi sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku.

### Nota:

<sup>1</sup> Premium asas agregat yang dibayar untuk HSBC's Universal AssuredTreasure dan mana-mana produk tawaran terbitan terjamin lain yang mungkin kami tentukan berkenaan dengan orang yang diinsuranskan yang sama tidak boleh melebihi RM2,000,000 setiap hayat. Tertakluk kepada terma dan syarat.

<sup>2</sup> Dengan syarat bahawa polisi yang berkuat kuasa dan semua premium yang perlu dibayar dan sebarang faedah yang dikenakan ke atas pembayaran lewat premium telah dibayar.

<sup>3</sup> Potensi peningkatan pelaburan adalah tidak terjamin dan mungkin berbeza mengikut prestasi pelaburan sebenar Allianz Universal Life Fund II.


# Berikut adalah cara HSBC's Universal AssuredTreasure membantu menjana pendapatan yang tetap untuk persaraan anda



En. Tan, berusia 48 tahun, membuat keputusan untuk membeli HSBC's Universal AssuredTreasure dengan ANP sebanyak RM100,000 untuk 5 tahun. Sepanjang perlindungan polisi selama 20 tahun, dia memilih untuk mengeluarkan amaun GCP semasa pembayaran.

## Unjuran Pulangan:

	Tahun Polisi	% ANP
<b>GCP Tiga Peringkat</b>	1 – 5	8.0
	6 – 10	16.0
	11 – 20	32.0



\*Manfaat kematian akibat kemalangan bagi orang yang diinsuranskan sebelum mencapai umur 71 tahun adalah yang lebih tinggi antara a) 220% Jumlah Premium Asas Dibayar tolak jumlah GCP dibayar, atau b) 100% Nilai Akaun1.

Manfaat Kematangan pada Tahun Polisi 20 (RM)	Senario Rendah	Senario Tinggi
(1) Unjuran Nilai Akaun1	25,953	238,125
(2) Manfaat Kematangan Terjamin	150,000	
<b>(3) Unjuran Manfaat Kematangan [Yang lebih tinggi antara (1) atau (2)]</b>	<b>150,000</b>	<b>238,125</b>

Pulangan Tahunan pada Kematangan Polisi	Senario Rendah	Senario Tinggi
Pulangan Tahunan Terjamin	1.32%	
Jumlah Pulangan Tahunan	1.32%	2.34%

## Nota untuk ilustrasi:

- Apabila polisi matang pada akhir Tahun Polisi 20, anda akan menerima yang lebih tinggi antara 150% daripada ANP terkini yang terjamin atau Nilai Akaun1 yang tidak terjamin pada tarikh matang. Nilai Akaun1 dan potensi pulangan adalah tidak terjamin dan mungkin berbeza mengikut prestasi pelaburan sebenar Allianz Universal Life Fund II. Di samping itu, sebarang baki Nilai Akaun2 dan/atau GCP terkumpul yang didepositkan dengan Allianz Life Insurance Malaysia (ALIM) juga akan dibayar.
- Pulangan tahunan terjamin diunjurkan berdasarkan ilustrasi jumlah premium dibayar, jumlah GCP dan manfaat kematangan terjamin sebanyak 150% daripada ANP terkini.
- Senario tinggi diilustrasikan pada kadar pulangan 5% setahun. Senario rendah diilustrasikan pada kadar pulangan 2% setahun. Kadar pulangan ini tertakluk kepada cukai pelaburan dan caj pengurusan dana. Sila rujuk juga kepada Ilustrasi Jualan untuk unjuran senario rendah dan tinggi.
- Kadar kredit masa hadapan adalah tidak terjamin dan mungkin berbeza mengikut prestasi pelaburan yang dialami oleh ALIM. Kadar kredit dalam jangka sederhana hingga jangka panjang adalah berkemungkinan menjadi positif namun ada kemungkinan untuk memperoleh kadar kredit negatif dalam mana-mana bulan tertentu atau dalam jangka masa yang lebih panjang.
- GCP dan manfaat kematangan terjamin hanya akan dibayar jika semua premium yang perlu dibayar dan sebarang faedah yang dikenakan ke atas pembayaran lewat premium dan sebarang hutang lain kepada ALIM telah dibayar.
- Pelanggan boleh memilih Pilihan Pembayaran GCP yang dikehendaki pada permulaan polisi.
- Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan, Lembaran Pendedahan Produk dan Lembaran Fakta Dana HSBC's Universal AssuredTreasure.

# Ringkasan Produk

<b>Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan (LA)</b>	15 hari hingga 65 tahun (hari lahir yang terdekat)																					
<b>Tempoh Bayaran</b>	5 tahun																					
<b>Tempoh Perlindungan</b>	20 tahun																					
<b>Premium Asas Tahunan</b>	Minimum: RM6,000   Maksimum: RM400,000																					
<b>Manfaat Kematian</b>	<p><b>Kematian bukan akibat kemalangan:</b>  <b>Tahun Polisi 1</b>            100% Jumlah Premium Asas Dibayar</p> <p><b>Tahun Polisi 2 dan seterusnya</b>            Yang lebih tinggi antara:            a) 110%**/105%*** Jumlah Premium Asas Dibayar tolak jumlah GCP dibayar; atau            b) 100% Nilai Akaun1</p> <p><b>Kematian akibat kemalangan:</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Sebelum LA mencapai umur 71 tahun</th> <th>Apabila LA mencapai umur 71 tahun dan seterusnya</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>Tahun Polisi 1 dan seterusnya: Yang lebih tinggi antara</b>            a) 220%**/210%*** Jumlah Premium Asas Dibayar tolak jumlah GCP dibayar; atau            b) 100% Nilai Akaun1</td> <td><b>Tahun Polisi 1 dan seterusnya: Yang lebih tinggi antara</b>            a) 110%**/105%*** Jumlah Premium Asas Dibayar tolak jumlah GCP dibayar; atau            b) 100% Nilai Akaun1</td> </tr> </tbody> </table> <p>**Umur Kemasukan LA: 15 hari – 60 tahun ***Umur Kemasukan LA: 61–65 tahun</p>	Sebelum LA mencapai umur 71 tahun	Apabila LA mencapai umur 71 tahun dan seterusnya	<b>Tahun Polisi 1 dan seterusnya: Yang lebih tinggi antara</b> a) 220%**/210%*** Jumlah Premium Asas Dibayar tolak jumlah GCP dibayar; atau b) 100% Nilai Akaun1	<b>Tahun Polisi 1 dan seterusnya: Yang lebih tinggi antara</b> a) 110%**/105%*** Jumlah Premium Asas Dibayar tolak jumlah GCP dibayar; atau b) 100% Nilai Akaun1																	
Sebelum LA mencapai umur 71 tahun	Apabila LA mencapai umur 71 tahun dan seterusnya																					
<b>Tahun Polisi 1 dan seterusnya: Yang lebih tinggi antara</b> a) 220%**/210%*** Jumlah Premium Asas Dibayar tolak jumlah GCP dibayar; atau b) 100% Nilai Akaun1	<b>Tahun Polisi 1 dan seterusnya: Yang lebih tinggi antara</b> a) 110%**/105%*** Jumlah Premium Asas Dibayar tolak jumlah GCP dibayar; atau b) 100% Nilai Akaun1																					
<b>Bayaran Tunai Terjamin (GCP)</b>	<p>Jadual GCP yang meningkat seperti di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Akhir Tahun Polisi</th> <th>% ANP terkini</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 hingga 5</td> <td>8.00%</td> </tr> <tr> <td>6 hingga 10</td> <td>16.00%</td> </tr> <tr> <td>11 hingga 20</td> <td>32.00%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Anda boleh memilih salah satu daripada tiga pilihan berikut untuk manfaat GCP yang akan dibayar kepada anda:            a) Untuk mengeluarkan GCP; atau            b) Untuk mendepositkan GCP dengan ALIM untuk memperoleh faedah<sup>^</sup>; atau            c) Untuk mendepositkan GCP dengan ALIM untuk dilaburkan semula ke dalam Akaun2 Polisi</p> <p><sup>^</sup>Faedah ke atas GCP yang didepositkan dengan ALIM adalah pada kadar yang akan ditentukan oleh ALIM yang mungkin berbeza dari tahun ke tahun.</p>	Akhir Tahun Polisi	% ANP terkini	1 hingga 5	8.00%	6 hingga 10	16.00%	11 hingga 20	32.00%													
Akhir Tahun Polisi	% ANP terkini																					
1 hingga 5	8.00%																					
6 hingga 10	16.00%																					
11 hingga 20	32.00%																					
<b>Manfaat Kematangan</b>	<p>Yang lebih tinggi antara:            a) 150% ANP terkini; atau            b) 100% Nilai Akaun1</p> <p>dan GCP didepositkan yang terkumpul/dilaburkan semula (jika ada)</p>																					
<b>Manfaat Lain: Jaminan Tidak Luput Bersyarat</b>	Polisi ini tidak akan luput sekiranya Nilai Akaun1 tidak mencukupi untuk membayar kos insurans dan yuran polisi apabila perlu dibayar jika Jaminan Tidak Luput Bersyarat terpakai. Jaminan Tidak Luput Bersyarat akan terpakai jika semua premium yang perlu dibayar dan faedah yang dikenakan ke atas pembayaran lewat premium (jika ada) telah dibayar.																					
<b>Caj Wajib</b>																						
<b>Kos Insurans</b>	Berdasarkan jumlah berisiko, umur yang dicapai, dan jantina LA																					
<b>Yuran Polisi</b>	RM8.00 sebulan																					
<b>Caj Premium</b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Polisi</th> <th>1</th> <th>2</th> <th>3</th> <th>4</th> <th>5</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Premium Asas Tahunan &lt;RM100K, (%)</td> <td>18.5</td> <td>16.0</td> <td>16.0</td> <td>5.0</td> <td>5.0</td> <td>60.5</td> </tr> <tr> <td>Premium Asas Tahunan ≥RM100K, (%)</td> <td>17.5</td> <td>15.0</td> <td>15.0</td> <td>4.0</td> <td>4.0</td> <td>55.5</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun Polisi	1	2	3	4	5	Jumlah	Premium Asas Tahunan <RM100K, (%)	18.5	16.0	16.0	5.0	5.0	60.5	Premium Asas Tahunan ≥RM100K, (%)	17.5	15.0	15.0	4.0	4.0	55.5
Tahun Polisi	1	2	3	4	5	Jumlah																
Premium Asas Tahunan <RM100K, (%)	18.5	16.0	16.0	5.0	5.0	60.5																
Premium Asas Tahunan ≥RM100K, (%)	17.5	15.0	15.0	4.0	4.0	55.5																
<b>Caj Pengurusan Dana (FMC)</b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Pulangan Pelaburan Kasar (setahun sebelum cukai)</th> <th>FMC Semasa (setahun)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kurang daripada 5.00%</td> <td>0.800%</td> </tr> <tr> <td>5.00% dan ke atas</td> <td>1.150%</td> </tr> </tbody> </table> <p>FMC berikutnya mungkin berbeza daripada FMC semasa tetapi tidak akan melebihi FMC maksimum sebanyak 0.125% sebulan atau 1.50% setahun.</p>	Pulangan Pelaburan Kasar (setahun sebelum cukai)	FMC Semasa (setahun)	Kurang daripada 5.00%	0.800%	5.00% dan ke atas	1.150%															
Pulangan Pelaburan Kasar (setahun sebelum cukai)	FMC Semasa (setahun)																					
Kurang daripada 5.00%	0.800%																					
5.00% dan ke atas	1.150%																					
<b>Caj Bersyarat</b>																						
<b>Penalti Serahan</b>	<p>Semasa penyerahan polisi, caj-caj berikut akan dikenakan:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Polisi</th> <th>Penalti Serahan (% daripada Nilai Akaun1)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>3.0%</td> </tr> <tr> <td>2 dan ke atas</td> <td>0.0%</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun Polisi	Penalti Serahan (% daripada Nilai Akaun1)	1	3.0%	2 dan ke atas	0.0%															
Tahun Polisi	Penalti Serahan (% daripada Nilai Akaun1)																					
1	3.0%																					
2 dan ke atas	0.0%																					

# Nota Penting

1. Risalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan maklumat yang terkandung adalah tidak komprehensif atau menyeluruh. Anda perlu merujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Ilustrasi Jualan (SI) untuk maklumat lanjut.
2. Manfaat-manfaat tertakluk kepada pengecualian/sekatan, sila rujuk kepada klausa pengecualian/sekatan dalam PDS. Anda boleh rujuk kontrak polisi untuk senarai pengecualian/sekatan yang lengkap.
3. ALIM mempunyai hak untuk menyemak semula kadar kos insurans, penalti serahan, yuran polisi, FMC maksimum serta terma dan syarat polisi pelan insurans ini. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai pindaan yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa.
4. Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah sesuai untuk anda, dan premium yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah dalam kemampuan anda. Pembelian insurans hayat adalah komitmen jangka panjang dan tidak digalakkan untuk menyerahkan polisi anda dalam tahun-tahun awal memandangkan kos permulaan yang tinggi.
5. Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan permintaan bertulis kepada ALIM dan mengembalikan polisi tersebut kepada ALIM dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan polisi oleh anda. ALIM akan mengembalikan kepada anda Nilai Akaun1, kos insurans, yuran polisi dan caj premium yang telah dikenakan, tolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan perubatan (jika ada). Nilai Akaun1 adalah nilai Akaun1 Polisi pada tarikh permintaan untuk pembatalan diluluskan oleh ALIM.
6. Sila tambahkan cukai kerajaan yang berkenaan jika pemegang polisi adalah sebuah pertubuhan perniagaan atau apabila polisi diserahkan hak secara mutlak kepada sebuah pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.
7. Premium yang anda bayar menyumbang kepada elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya, manfaat kematian. Sekiranya anda sedang mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda boleh membandingkan pulangan tahunan polisi ini dengan pulangan efektif pelaburan alternatif yang lain.

**Nota: Ini adalah produk insurans yang dikaitkan dengan pencapaian nilai aset-aset, dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit-unit amanah.**

Diunderait oleh:

**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ahli PIDM